

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2024

HARI ISNIN : 4 NOVEMBER 2024

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 5, NO. 12 HINGGA NO. 43)**

[SOALAN NO. 5 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN NO. 23]

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN MOHD
DELI [JEMPOL]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' HAJI SHAMSHULKAHAR BIN MOHD DELI [JEMPOL] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan memandangkan negara kekurangan pakar pokok bertauliah (arborist), apakah tindakan Kementerian untuk menambah baik pengurusan landskap di setiap kawasan perbandaran bagi mengurangkan kemalangan berkaitan pokok tumbang yang sering berlaku.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk menjawab soalan **YB Jempol secara bersekali** dengan beberapa soalan berikut kerana melibatkan isu dan persoalan yang sama:

- i. Soalan **No. 15** daripada **YB Gopeng** bertarikh **4 November 2024**;
- ii. Soalan **No. 19** juga daripada **YB Gopeng** bertarikh **7 November 2024**;
- iii. Soalan **No. 41** daripada **YB Kuala Pilah** bertarikh **7 November 2024**; dan
- iv. Soalan **No. 13** daripada **YB Tenggara** bertarikh **19 November 2024**.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan MADANI kekal komited membangunkan kawasan perbandaran yang mampan dan lestari alam. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Landskap Negara (JLN) telah menjadikan **Dasar Landskap Negara 2.0 (DLN2.0)** sebagai keutamaan bagi memacu pembangunan dan pengurusan landskap yang komprehensif, selamat serta memperkayakan biodiversiti bandar ke arah mencapai **Malaysia Negara Mampan**. Dalam hubungan ini, KPKT melalui JLN dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh negara telah melaksanakan program penghijauan negara dengan menanam pokok-pokok teduhan bagi menyediakan kawasan perbandaran yang berdaya huni, teduh, menerapkan aspek terapi, indah serta bagi menangani impak daripada perubahan iklim.

Untuk makluman, pada masa ini, **sebanyak 89 PBT daripada 156 PBT mempunyai Jabatan atau Unit Landskap** yang berfungsi untuk menguruskan pembangunan landskap bagi memastikan kerja-kerja pengurusan dan penyelenggaraan pokok dijalankan secara berterusan. Bagi **PBT yang tidak mempunyai Jabatan atau Unit Landskap yang khusus, fungsi ini dilaksanakan oleh unit teknikal yang berkaitan di PBT**. Daripada 89 PBT ini, **hanya 18 pegawai di 11 PBT yang telah**

ditauliahkan sebagai arborist dan masih aktif berkhidmat. Dalam usaha untuk memperkasakan aspek pengurusan dan penyelenggaraan pokok-pokok di kawasan perbandaran negara ini, **KPKT amat menggesa supaya setiap PBT mempunyai sekurang-kurangnya seorang arborist yang bertauliah.**

Berhubung isu pokok tumbang, KPKT memandang serius terhadap perkara ini yang merisikokan keselamatan orang awam. **Antara punca insiden ini boleh berlaku adalah disebabkan oleh pokok-pokok yang telah tua di kawasan perbandaran.** Justeru, berikut adalah tindakan yang telah diambil oleh KPKT:

- i. **Program Penilaian dan Rawatan Kawasan Hijau**
Program ini memfokuskan kepada **pokok ameniti yang berisiko (tua, berpenyakit atau mengundang bahaya)** di kawasan pinggir jalan dan kawasan lapang. Kerja-kerja ini meliputi inventori data, penilaian risiko dan ekonomi serta kaedah perawatan bagi tujuan meminimumkan risiko kegagalan pokok.
- ii. **Penyediaan lebih 10 garis panduan dan manual pengurusan pokok sebagai rujukan pihak PBT antaranya:**
 - Garis Panduan Landskap Negara Edisi II, Jabatan Landskap Negara (2008)
 - Manual Pemangkasan Pokok Ameniti, Jabatan Landskap Negara (2009)
 - Manual Pengurusan Risiko Pokok Ameniti, Jabatan Landskap Negara (2011)
 - Garis Panduan Landskap Negara Taman, Jabatan Landskap Negara (2012)
 - Buku 200 Malaysia's Native Trees for Street Planting
- iii. **Pemeriksaan kemahiran pegawai / kakitangan PBT**
Platform pembelajaran dan latihan kepada pegawai/kakitangan PBT melalui latihan teknikal telah dan akan terus dilaksanakan di bawah Institut Latihan KPKT (IKPKT). Peserta diberikan pendedahan berkaitan teori dan sesi *hands-on* yang

meliputi aspek penanaman, pengurusan dan penyelenggaraan pokok ameniti berdasarkan kaedah arborikultur dan hortikultur melalui modul pendidikan dan pengajaran yang terancang seperti modul *Master Gardener*.

iv. **Kursus Pengurusan Pokok**

JLN menganjurkan kursus-kursus berkaitan pengurusan pokok secara fizikal dan atas talian kepada pegawai Jabatan dan pihak PBT. Antaranya adalah **Seminar Pengurusan Landskap** yang dilaksanakan **setiap tahun** dengan penglibatan khusus daripada semua PBT di Malaysia.

Sebagai jaminan dan komitmen Kementerian, KPKT melalui JLN bersama-sama dengan pihak PBT sentiasa mengambil langkah waspada dalam menyelenggara pokok-pokok di kawasan perbandaran kerana pematuhan kepada **Akta Perancangan Bandar dan Desa [Akta 172]** yang menyatakan:

v. **Seksyen 35A Perintah Pemeliharaan Pokok**

PBT diberi kuasa untuk merancang pemeliharaan dan perlindungan pokok-pokok dan tumbuh-tumbuhan dalam kawasan pentadbirannya;

vi. **Seksyen 35H**

Namun, semua pokok yang mempunyai **lilitan melebihi 0.8 meter tidak boleh ditebang** kecuali dalam keadaan tertentu dengan izin pihak PBT seperti pokok yang hampir mati atau telah mati dan dalam situasi yang boleh mendatangkan bahaya yang disebabkan keadaan fizikal pokok tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' KHLIR BIN MOHD NOR
[KETEREH]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' KHLIR BIN MOHD NOR [KETEREH] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status kerja-kerja penambahbaikan dan penyelenggaraan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) termasuk penyelenggaraan infrastruktur di kawasan (RKAT) setelah mendapat peruntukan sebanyak RM400 juta semasa Belanjawan 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa prihatin dan berusaha untuk memastikan kebajikan anggota tentera dan keluarga kekal terpelihara supaya mereka teguh bersemangat untuk menyumbang khidmat bakti kepada negara dengan sebaiknya. Sehubungan dengan ini, Kementerian Pertahanan sentiasa melaksanakan senggaraan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) sedia ada di seluruh negara melalui peruntukan tahunan yang diterima. Empat agensi pelaksana telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan senggaraan tersebut iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Kerja Raya Sabah, Jabatan Kerja Raya Sarawak dan Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan (BPKP), Markas Angkatan Tentera Malaysia.

2. Kementerian Pertahanan telah diperuntukkan sebanyak RM400 juta bagi kerja-kerja penyelenggaraan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) dan peruntukan tersebut telah diagihkan kepada kesemua cabang perkhidmatan mengikut keperluan dan keutamaan. Pada tahun ini, sebanyak 176 kem melibatkan 8,738 unit RKAT untuk disenggara secara keseluruhannya. Status sehingga kini, sebanyak 40 buah kem yang sedang dalam naik taraf RKAT dan 136 kem yang telah siap RKAT. Dijangka kesemua akan selesai pada 31 Disember 2024.

3. Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan kebajikan anggota tentera sentiasa terjaga bagi memastikan mereka terus bersemangat untuk menyumbang khidmat bakti dengan sebaiknya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN
[KLANG]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN [KLANG] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perancangan baharu dan langkah-langkah yang telah diambil setakat ini untuk menyelesaikan isu ketidakcukupan ruang letak kereta di kawasan-kawasan yang sibuk di Bandaraya Klang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan MADANI proaktif dan komited memastikan perancangan bandar dilaksanakan secara sistematik dengan memberi penekanan terhadap keperluan rakyat mengikut kesesuaian kawasan pembangunan. Dalam hubungan ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia) dan Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) berusaha untuk **menyediakan Tempat Letak Kenderaan (TLK) yang mencukupi, selesa dan selamat** untuk rakyat.

Sehingga 30 September 2024, terdapat **41,497 petak letak kereta berbayar** dan **451 petak letak kereta OKU** yang telah **diwartakan** di bawah Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Majlis Perbandaran Klang) Tahun 2007. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat juga, **Rancangan Tempatan (RT) Majlis Perbandaran Klang 2035 (Penggantian)** turut telah mengenal pasti pembangunan TLK contohnya:

- i. **TLK bertingkat di Jalan Raya Timur dan di Pelabuhan Klang;** dan
- ii. **TLK di taman rekreasi iaitu di Taman Bandar di Bukit Raja, Kawasan Lapang Berpusat di Pekan Meru dan Taman Pengkalan Kampar.**

Terkini, **Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK)** telah **melaksanakan beberapa inisiatif** bagi memperbanyakkan lagi TLK terutamanya di kawasan Pusat Bandar Klang seperti berikut:

- i. **TLK tambahan di kawasan rizab Kerajaan atau tanah hak milik Majlis** yang strategik dan bersesuaian. Sebagai contoh, ruang TLK tambahan telah disediakan di bawah jejambat Persiaran Sultan Ibrahim;
- ii. pengguna jalan raya boleh **meletak kenderaan di dalam kawasan KOMUTER** memandangkan jumlah TLK yang disediakan adalah

- banyak; dan
- iii. menubuhkan **Tabung Sumbangan Tempat Letak Kenderaan bagi tujuan perolehan tanah** untuk penyediaan TLK baharu.

Semua pembangunan baharu di dalam kawasan pentadbiran MBDK termasuk penyediaan Tempat Letak Kenderaan dan Tempat Letak Kenderaan OKU adalah **berdasarkan Manual Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor Edisi Keempat serta Pekeliling Lembaga Perumahan Hartanah Selangor.**

Selain itu, KPKT turut telah menyediakan **Garis Panduan Perancangan Tempat Letak Kenderaan (GPP TLK)**, yang bertujuan untuk:

- i. menjadi **panduan dan rujukan** Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agensi teknikal, dan pihak-pihak yang terlibat dalam merancang, mengawal serta membangunkan kawasan khususnya keperluan perancangan TLK semasa penyediaan pelan-pelan pembangunan dan pertimbangan terhadap permohonan kebenaran merancang; dan
- ii. menentukan penyediaan kawasan TLK dengan susun atur dan reka bentuk yang **terancang, lengkap dan bersistematik** untuk memenuhi keperluan pengguna dan kawasan pembangunan.

Komitmen ini menunjukkan bahawa apa jua pembangunan yang dicadangkan, aspek kemudahan asas seperti TLK tidak diabaikan dalam memastikan keselesaan dan keselamatan rakyat, termasuk di Bandaraya Klang. Kesimpulannya, Kerajaan MADANI konsisten menyokong perancangan pembangunan yang disediakan oleh PBN dan PBT agar ianya sentiasa menitikberatkan elemen peningkatan kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA
[SUNGAI BESAR]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA [SUNGAI BESAR] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha Kementerian untuk membangunkan benih padi sah yang tempoh matangnya lebih pendek untuk mengurangkan kos yang ditanggung oleh pesawah sebagaimana yang telah di buat di negara Thailand, Vietnam dan Indonesia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini benih padi yang terdapat dalam negara mempunyai umur matang antara 110 hingga 120 hari. Kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan hasil pengeluaran melalui penggunaan benih padi yang mempunyai tempoh matang yang singkat.

Berdasarkan kepada senarai varieti benih padi yang telah diisytiharkan sedia ada, MARDI mempunyai varieti matang awal sekitar 95 – 105 hari seperti MR211, MR253, MR220 CL1 dan MR 220 CL2 dan mempunyai potensi hasil sekitar 6 hingga 8 tan metrik per hektar. Varieti seperti MR 220-CL2 merupakan antara varieti yang popular dan banyak digunakan oleh pesawah di Semenanjung Malaysia berikutan hasil yang tinggi dan tempoh matang yang singkat sekitar 97 hari.

Antara usaha pembangunan benih padi yang dilaksanakan oleh Kementerian adalah:

- (i) KPKM melalui agensi penyelidikan seperti MARDI telah menjalinkan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan dan badan penyelidikan swasta bagi pembangunan varieti benih padi baharu yang boleh dituai dalam tempoh kurang daripada 75 hari, bertoleransi tinggi kepada pengairan yang fleksibel dan berdaya tahan dalam cuaca ekstrem. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13), MARDI menasaskan ia berada pada peringkat penilaian hasil varieti matang awal di peringkat multi lokasi dan penentusahan setempat di kawasan jelapang bersama pesawah. Varieti tersebut disasar untuk dikomersilkan pada tahun 2027; dan
- (ii) dalam tempoh terdekat, MARDI turut menasaskan untuk memperkenalkan varieti baharu yang sesuai bagi persekitaran kawasan luar jelapang pada tahun 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI
[SRI AMAN]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI DORIS SOPHIA ANAK BRODI [SRI AMAN] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan inisiatif terkini yang diambil oleh Kementerian untuk mengenal pasti, membangunkan dan menyokong bakat-bakat muda dalam sukan di seluruh negara termasuk program pembangunan bakat di peringkat akar umbi/luar bandar, sokongan kepada atlet muda dan pelaburan dalam infrastruktur sukan yang lebih baik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan negara tidak ketandusan atlet-atlet yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa maka pelaksanaan program latihan atlet pelapis kebangsaan akan diperkemas dan diperkukuhkan dengan penambahan lebih ramai jurulatih yang berkelayakan serta memberi lebih banyak pendedahan latihan dan pertandingan di luar negara. Setakat ini seramai 248 atlet dari 15 jenis sukan dan 17 disiplin telah menjalani latihan secara sepenuh masa di bawah program Pelapis Kebangsaan dan dikendalikan oleh seramai 31 orang jurulatih. Jumlah ini dijangka akan ditambah selaras dengan persediaan negara menghadapi Temasya Sukan SEA 2027 nanti.

Kementerian ini melalui Majlis Sukan Negara (MSN) melaksanakan program pembangunan Bakat dan Pelapis Negeri dengan kerjasama pemegang-pemegang taruh utama seperti PSK, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Majlis Sukan Negeri-Negeri secara berterusan. Sehingga kini, seramai 5,239 atlet sedang menjalani latihan di bawah kendalian 257 jurulatih di 278 Pusat Latihan Daerah (PLD) di bawah Program Bakat telah ditubuhkan di seluruh Malaysia.

NO SOALAN : 15

Manakala di bawah Program Pelapis Negeri, tumpuan diberikan kepada pelaksanaan program latihan melibatkan 17 jenis sukan di 269 Pusat Latihan Negeri (PLN) yang memberi peluang latihan kepada seramai 4,112 atlet di bawah bimbingan 282 jurulatih.

Program latihan yang berstruktur dan bersistematik untuk tempoh jangka panjang ini akan dapat membantu dalam melahirkan lebih ramai atlet-atlet pelapis negara yang berdaya saing khususnya persiapan ke arah Sukan Malaysia (SUKMA) dan kejohanan peringkat Kebangsaan. Seramai 938 atlet Program Pelapis Negeri dan 355 atlet Program Bakat telah menyertai SUKMA Sarawak 2024 dan berjaya memenangi sebanyak 118 pingat emas, 114 pingat perak dan 120 pingat gangsa.

Kementerian turut menganjurkan pelbagai kejohanan seperti Karnival Bakat, Kejohanan Peringkat Zon, Kejohanan Bakat dan penganjuran Kem Bakat Kebangsaan, Klinik Sukan untuk atlet di peringkat Bakat dan Pelapis Negeri. Disamping itu beberapa program pembangunan untuk sukan-sukan khusus seperti Program Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) di mana seramai 16,342 pelatih menjalani latihan di bawah bimbingan 756 jurulatih di 158 pusat latihan.

Selain dari bola sepak, pihak MSN juga telah melaksanakan Program Pembangunan Ragbi Negara (PPRN) melibatkan seramai 3,710 pemain menjalani latihan di bawah bimbingan 126 jurulatih di 57 pusat latihan. Manakala Program Pembangunan Hoki Negara (PPHN) pula sedang melatih seramai 3,514 pemain yang di bawah bimbingan 220 jurulatih di 112 pusat latihan.

NO SOALAN : 15

Program Pembangunan Bola Jaring Negara (PPJN) memberikan tumpuan khusus bagi pembangunan wanita yang berumur antara 13 hingga 21 tahun. Sehingga kini, seramai 1,437 pelatih yang sedang giat menjalani latihan di bawah kendalian 116 jurulatih di 58 pusat latihan.

Sebanyak RM 55 juta telah diperuntukan untuk program-program tersebut dengan perincian seperti berikut:

- a) Program Pelapis Kebangsaan sebanyak RM 3.5 juta
- b) Program Bakat sebanyak RM 10 juta
- c) Program Pelapis Negeri sebanyak RM 10 juta
- d) Program Khas sebanyak RM 31.5 juta dengan perincian seperti berikut:
 - i. PPBN : RM 25 juta;
 - ii. PPHN : RM 2.5 juta;
 - iii. PPRN : RM 3 juta; dan
 - iv. PPJN : RM 1 juta

Kementerian dengan kerjasama Kementerian Pendidikan turut melaksanakan Program Pengenalpastian dan Pembangunan Bakat atau *Malaysia Talent Identification and Development (MYTID)* secara *proof of concept* sehingga tahun 2025 bagi mengesan dan mengenal pasti bakat berpotensi di peringkat sekolah rendah bagi kanak-kanak berumur 7 hingga 12 tahun.

NO SOALAN : 15

Program ini menggunakan kaedah pendekatan saintifik terkini dan lebih menjurus kepada elemen pengesanan (*detection*) bakat sukan berpotensi yang boleh disyorkan untuk menceburi sukan spesifik berdasarkan kecenderungan, kematangan, keupayaan motor dan kecergasan fizikal.

Pada masa ini skop program MyTID melibatkan anggaran 30 ribu murid sekolah rendah tahun satu hingga enam dari 100 sekolah merangkumi 51 sekolah bandar dan 49 sekolah luar bandar iaitu 50 sekolah dari Semenanjung Malaysia, 26 sekolah dari Wilayah Sarawak serta 24 sekolah dari Wilayah Sabah termasuk dua sekolah di Wilayah Persekutuan Labuan dan pemilihan sekolah-sekolah terlibat dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR
[SETIU]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR [SETIU] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan tindakan yang sedang dan akan dilakukan bagi menangani isu kelemahan pengurusan projek dan program di bawah Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) seperti mana yang dilaporkan di dalam laporan Ketua Audit Negara 2/2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Laporan Ketua Audit Negara 2/2024 telah membangkitkan isu pengurusan projek di bawah Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER).

2. Sebanyak tujuh (7) pemerhatian audit telah direkodkan dalam sistem pemantauan *Auditor General's Dashboard*. Daripada tujuh pemerhatian tersebut, dua (2) pemerhatian telah diambil tindakan oleh Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) manakala lima (5) sedang dalam pelbagai peringkat tindakan.

3. Dalam hubungan ini, ECERDC akan melaksanakan semua teguran dan syor Laporan Ketua Audit Negara 2/2024. Ini termasuk perkara-perkara berikut:

- i. Cadangan supaya mewujudkan pangkalan data bagi mengukur pencapaian sosiekonomi kumpulan sasar;
- ii. Mengadakan sesi libat urus dengan semua pihak berkepentingan dalam merangka strategi; dan
- iii. Mempertingkatkan lagi aktiviti promosi pelaburan di taman perindustrian di ECER.

4. Selain itu, ECERDC juga akan memberikan tumpuan untuk memudah cara dan merealisasikan pelaburan dengan bekerjasama dengan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) untuk mempromosi taman perindustrian di ECER.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN
[SRI GADING]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

**TUAN HAJI AMINOLHUDA BIN HASSAN [SRI GADING] minta
MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan:**

- a) adakah pihak Kementerian mempunyai garis masa dalam menggubal Akta Sewaan Kediaman bagi menjamin hak pemilik kediaman dan penyewa sentiasa terpelihara di negara ini; dan
- b) solusi Kementerian untuk menyelesaikan isu diskriminasi kaum dan agama dalam sewaan kediaman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan MADANI sentiasa fokus dan komited memastikan setiap rakyat mendapat akses kepada perumahan yang berkualiti dan mampu dimiliki. Atas sebab ini juga, **sebarang penyediaan program perumahan serta penggubalan undang-undang dan peraturan berkaitan perumahan adalah bersifat neutral dan tidak meminggirkan atau mendiskriminasi rakyat mana-mana bangsa atau agama.**

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang menggubal Rang Undang-undang (RUU) Sewaan Kediaman (*Residential Tenancy Act*, RTA) bagi **melindungi kepentingan serta hak penyewa dan pemilik kediaman.** Penggubalan RUU RTA ini akan berupaya **mengimbangkan hak-hak dan kewajipan pemilik kediaman dan penyewa tanpa melibatkan elemen kawalan terhadap kadar sewaan.**

Bagi penggubalan RUU RTA ini, KPKT telah melaksanakan pelbagai sesi libat urus termasuk **proses konsultasi awam** pada tahun **2022.** Berdasarkan kepada dapatan konsultasi awam tersebut, KPKT mendapati wujud keperluan untuk meneliti semula keseluruhan aspek RUU RTA serta menyusun semula tindakan susulan bagi proses penggubalan. Ini termasuk keperluan **pelaksanaan libat urus khusus dengan semua Kerajaan Negeri** serta pihak berkepentingan terutamanya yang terlibat dalam pelaksanaan RTA ini kelak.

Sejajar dengan penetapan strategi tersebut, KPKT telah **mengatur sesi libat urus bersama Kerajaan Negeri serta pihak-pihak berkepentingan mulai November 2024** dan dijangka selesai pada suku pertama tahun 2025. Maklum balas dan pandangan yang diterima hasil sesi libat urus ini akan diambil kira dalam proses menambah baik draf RUU sebelum dimuktamadkan. Ini bertujuan bagi memastikan kepentingan semua pihak terpelihara dan RUU RTA ini tidak bercanggah dengan mana-mana perundangan dan peraturan sedia ada.

Berhubung isu diskriminasi kaum dan agama dalam sewaan kediaman, Kerajaan MADANI berpegang teguh dengan prinsip bahawa semua rakyat adalah **dilindungi hak dan kepentingan mereka secara saksama seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan**. Perlembagaan Persekutuan menjamin hak-hak asasi setiap rakyat tanpa mengira kaum, agama atau latar belakang termasuk kebebasan bersuara, beragama, hak untuk mendapatkan pendidikan dan perlindungan di bawah undang-undang.

Selaras dengan prinsip tersebut, RUU RTA yang digubal ini turut **mendukung prinsip perundangan yang bersifat neutral tanpa mendiskriminasi mana-mana kaum dan agama**. Justeru, sebarang aktiviti sewaan kediaman yang dilaksanakan adalah **tertakluk kepada persetujuan pihak-pihak yang terlibat**. Selain itu, RUU RTA ini turut menyediakan **mekanisme penyelesaian** sekiranya wujud sebarang pertikaian dalam aktiviti sewaan kediaman kelak.

KPKT berpandangan bahawa penggubalan RUU RTA ini akan mampu **merancakkan sektor sewaan** agar lebih kompetitif dan **memudah cara industri sewaan kediaman** dengan tadbir urus yang lebih baik tanpa menjejaskan hak dan kepentingan pihak-pihak yang terlibat. Kerajaan juga akan terus berusaha bagi memastikan hak setiap rakyat khususnya akses terhadap perumahan terpelihara terutama melalui mekanisme perundangan yang holistik dan tidak akan berkompromi terhadap sebarang bentuk diskriminasi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN HAJI
ABDULLAH [LANGKAWI]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

**DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN HAJI ABDULLAH [LANGKAWI] minta
MENTERI KERJA RAYA menyatakan :**

- (a) statistik aduan kerosakan jalan raya yang telah diterima dan diselesaikan menerusi aplikasi MYJalan sehingga Oktober 2024; dan
- (b) status kemajuan dasar 'zero potholes' dalam memastikan setiap kerja penampalan jalan dilaksanakan dengan lancar berdasarkan spesifikasi yang ditetapkan dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Aplikasi MYJalan telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 24 Ogos 2023 yang lalu di Gerik, Perak. Program ini merupakan salah satu usaha Kementerian dalam menyahut gagasan Malaysia MADANI yang telah diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri berpaksikan salah satu daripada enam nilai teras, iaitu Kesejahteraan Rakyat.

Program MYJalan ini akan memudahkan pengguna jalan raya membuat aduan berkaitan kerosakan jalan yang mana ia bertujuan meningkatkan tahap keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya serta dapat mengurangkan kes kemalangan jalan raya yang disebabkan oleh kerosakan jalan.

Sehingga **30 September 2024**, Aplikasi MYJalan Kementerian Kerja Raya (KKR) telah menerima sebanyak **20,042** aduan kerosakan terdiri daripada pelbagai kategori aduan. Daripada jumlah tersebut, **6,019** atau **30%** merupakan aduan dibawah seliaan KKR dan Agensi yang melibatkan Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri manakala bakinya **14,023** aduan atau **70%** merupakan Luar Bidang Kuasa KKR. KKR dan Agensi telah menyelesaikan **5,738** bersamaan **95.33%** daripada aduan dibawah bidang kuasa yang diterima, manakala baki sebanyak **281** atau **4.67%** masih di dalam tindakan.

Untuk makluman kategori **Jalan Berlubang** merupakan kategori tertinggi sebanyak **39.57%** (**2,382**), diikuti **Jalan Rosak 18.06%** (**1,087**), **Lampu Jalan 16.35%** (**984**) dan **Lampu Isyarat 10.53%** (**634**). **Baki 15.49%** (**932**) adalah lain-lain kategori.

Di samping itu, Aplikasi MYJalan turut menerima **14,023** aduan **Luar Bidang Kuasa KKR**. Walaubagaimanapun selaras dengan dasar “*No Wrong Door Policy* (NWD)” aplikasi ini di mana aduan-aduan tersebut telah disalurkan kepada jabatan berkenaan. Aduan ini membabitkan aduan jalan di bawah seliaan pelbagai agensi antaranya Pihak Berkuasa

Tempatan (PBT), Pejabat Daerah dan Tanah, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Jabatan Pengairan dan Saliran, jalan di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak, Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah dan lain-lain. Pihak KKR akan terus melaksanakan pelbagai program dan sesi libat urus bersama-sama pihak berkepentingan yang lain bagi memastikan setiap aduan ditangani dengan berkesan demi kesejahteraan rakyat.

(b) Pada masa ini Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya sentiasa memantau kerja-kerja penampalan lubang (*pothole*) yang berlaku di jalan-jalan Persekutuan Seluruh Malaysia melalui piagam pelanggan Jabatan Kerja Raya di mana setiap *pothole* yang ditemui melalui rondaan rutin atau diterima melalui aduan awam akan ditampal dan dibaiki segera dalam tempoh 24 jam.

Kerja-kerja penampalan ini turut dipantau melalui satu sistem dalaman yang telah dibangunkan iaitu Aplikasi Sistem Pemantauan *Potholes* (ASaPP). Penggunaan aplikasi ini digunakan sebagai perantara untuk memantau kerja pembaikan *pothole* bagi memastikan semua *pothole* yang di daftarkan dalam sistem akan dibaiki segera dalam tempoh 24 jam dari masa ia didaftarkan dalam sistem.

Sehingga 30 September 2024, sistem ini telah merekodkan sebanyak 2,990 bilangan *potholes* yang telah dibaiki melalui tampalan secara kerja rutin di sepanjang Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia, manakala di Sarawak, Sabah dan Labuan telah merekodkan sebanyak 38,039 bilangan tampalan *potholes*.

Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya sentiasa komited dalam memastikan jalan sentiasa dalam keadaan yang selamat dan selesa dengan menjalankan kerja-kerja penyenggaraan rutin sepanjang tahun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN]

TARIKH : 4 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SUHAIMI BIN NASIR [LIBARAN] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah langkah dan jaminan daripada kementerian dalam memastikan bahawa kebebasan bersuara dan menzahirkan pendapat oleh pengguna di media sosial dapat diteruskan tanpa dilihat ianya dikongkong oleh Kerajaan susulan pelaksanaan pelesenan media sosial.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Platform media sosial seperti Facebook, X, Instagram, TikTok, dan Youtube menjadi *trend* masyarakat hari ini dalam mengekspresikan idea, menyuarakan pendapat dan kritikan terhadap sesuatu perkara. Walau bagaimanapun, kebebasan bersuara yang diberikan perlu dilaksanakan dengan tanggungjawab agar tidak menyentuh sensitiviti yang boleh menjejaskan keharmonian negara dan harus sentiasa berpegang kepada peruntukan undang-undang serta tidak melanggar norma budaya masyarakat negara ini.

Keperluan pelesenan ke atas penyedia perkhidmatan pesanan internet dan penyedia perkhidmatan media sosial telah diwartakan pada 1 Ogos 2024 dan akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2025. Penyedia perkhidmatan perlu memohon Lesen Kelas Pemberi Perkhidmatan Aplikasi [ASP(C)] di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588].

Keperluan pelesenan di bawah Akta 588 ini adalah untuk memastikan penyedia perkhidmatan bertanggungjawab mewujudkan ekosistem dalam talian yang lebih selamat kepada pengguna platform mereka. Ini termasuk menangani secara efektif kandungan mudarat dengan memperkukuhkan sistem dan proses untuk mengurangkan jenayah siber termasuk penipuan dalam talian, jenayah seksual dan buli siber.

Di bawah Akta 588, terdapat langkah-langkah perlindungan yang kukuh untuk mengimbangi keperluan kawal selia dan perlindungan kepada hak kebebasan bersuara serta kebebasan maklumat. Pelaksanaan kerangka pelesenan di bawah Akta 588 ini adalah bertujuan menangani isu-isu jenayah dalam talian tanpa menyekat inovasi dan pembangunan.

Penguatkuasaan kerangka pelesenan ini tidak akan menjejaskan pengguna yang menggunakan perkhidmatan pesanan internet dan media sosial kerana hanya penyedia perkhidmatan sahaja yang diwajibkan untuk mendapatkan lesen yang berkaitan daripada MCMC.

Pengguna akan terus dapat menikmati pengalaman menggunakan media sosial yang lebih selamat.

Kebebasan bersuara adalah hak asasi yang diiktiraf, yang telah termaktub di bawah Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan, namun ia perlu disertai dengan tanggungjawab. Kebebasan yang tiada sempadan adalah kebebasan yang mengundang malapetaka. Oleh itu, tindakan ini adalah untuk memastikan keseimbangan antara kebebasan bersuara, keselamatan negara dan kesejahteraan hidup rakyat.

Seperti yang dijelaskan di bawah Rang Jaminan MSC Malaysia (*MSC Malaysia Bill of Guarantee*) No.7, Kerajaan tidak akan menapis internet. Namun, ini tidak bermakna bahawa kandungan yang melanggar undang-undang boleh disebarikan dengan sewenang-wenangnya tanpa mengambil kira peruntukan perundangan. Sebarang perlakuan yang melanggar undang-undang di ruang fizikal juga menjadi satu kesalahan di dalam persekitaran dalam talian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM
[GUA MUSANG]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM [GUA MUSANG] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan status cadangan pembinaan Kompleks Sukan Gua Musang sebagaimana yang diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri pada bulan Oktober 2023 yang lepas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada 17 Julai 2024, Kementerian Belia dan Sukan telah menerima maklum balas daripada Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) bahawa permohonan berhubung cadangan pembinaan Kompleks Sukan Gua Musang akan dikemukakan setelah tapak cadangan dimuktamadkan. Permohonan ini perlu dikemukakan kepada Kementerian Belia dan Sukan melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) atau Pejabat Pembangunan Negeri (PPN) dan dipersetujui oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bagi memastikan semua syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Ekonomi bagi permohonan projek pembangunan telah dipatuhi.

Pihak Kementerian akan sentiasa menyusul perkara ini dengan pihak KESEDAR dan akan memberi tempoh sebelum atau sehingga 31 Disember 2024 untuk mereka mengesahkan tapak kompleks sukan dengan semua syarat-syarat di atas dipatuhi sepenuhnya. Kementerian tidak akan mempertimbangkan sebarang permohonan jika pengesahan diterima selepas tempoh tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW YU HUI [RAUB]

TARIKH : 4 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN CHOW YU HUI [RAUB] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan :

- a) statistik migrasi rakyat Malaysia setiap tahun mengikut pecahan kaum, negara destinasi, umur, dan alasan penghijrahan ke negara-negara lain dari tahun 2018 hingga 2024; dan
- b) garis masa dan perancangan Kementerian untuk menarik semula bakat-bakat tempatan agar kembali menyumbang kepada pembangunan Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan data daripada TalentCorp dan Bank Dunia melalui kajian bertajuk Leveraging on Malaysian Diaspora: Malaysian Diaspora Heat Maps yang disiapkan pada April 2022, populasi diaspora Malaysia di empat negara utama dianggarkan seramai 281,429 orang. Pecahan mengikut negara adalah seperti berikut:

- i. Australia: 138,363 orang – Sebahagian besar terdiri daripada individu yang berkelulusan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda, terlibat dalam sektor perkhidmatan profesional.
- ii. Amerika Syarikat: 79,827 orang – Kebanyakan mereka berkelulusan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda, berkhidmat dalam sektor pengurusan, perkhidmatan profesional, perniagaan, sains, dan seni.
- iii. United Kingdom: 37,549 orang – Majoriti mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda, terlibat dalam sektor pengurusan, perkhidmatan profesional, perubatan, dan hospitaliti.
- iv. Kanada: 25,690 orang – Ramai yang terlibat dalam sektor pengurusan, perkhidmatan profesional, sains, perubatan, dan perkhidmatan teknikal.

Selain itu, laporan World Migration Report 2022 oleh International Organization for Migration (IOM) menyatakan kadar purata migrasi global ialah 3.6%. Malaysia mencatatkan kadar migrasi 5.6% daripada populasi keseluruhan, iaitu seramai 1.86 juta orang. Maklumat terperinci mengenai statistik penghijrahan mengikut pecahan kaum, negara destinasi, umur, dan alasan penghijrahan dari tahun 2018 hingga 2024 sedang dikumpul melalui kajian tambahan serta pelbagai sumber data yang relevan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) melalui TalentCorp telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menarik bakat tempatan yang berada di luar negara untuk kembali ke Malaysia, terutamanya melalui platform MyHeart. Salah satu program utama adalah Returning Expert Programme (REP), di mana sejak tahun 2011 hingga Jun 2024, program ini telah menerima 11,124 permohonan dan berjaya membawa pulang 2,011 bakat ke tanah air. REP menawarkan pelbagai insentif seperti pengecualian cukai pendapatan pada kadar 15%, pengecualian cukai ke atas barangan peribadi, pengecualian duti eksais kenderaan sehingga RM100,000, serta kemudahan untuk memperoleh status pemastautin tetap (PR) bagi pasangan dan anak-anak.

Selain itu, platform MyHeart juga menyediakan peluang pekerjaan dengan menghubungkan diaspora Malaysia dengan syarikat-syarikat terkemuka seperti PETRONAS, Shell, dan PwC. Tujuan utamanya adalah untuk memudahkan diaspora mencari peluang pekerjaan yang sesuai di Malaysia sebelum mereka pulang. Tambahan lagi, melalui acara MyHeart Career and Facilitation Fest (MyHeart CaFe), jaringan langsung diwujudkan antara diaspora dan majikan di Malaysia. Sejak tahun 2022, program ini telah menarik 1,499 diaspora dan menawarkan 1,981 peluang pekerjaan.

Dalam aspek keusahawanan pula, inisiatif MyHeart Innovate menyokong diaspora yang berminat memulakan perniagaan di Malaysia dengan menyediakan bimbingan serta akses kepada dana. Kohort pertama yang terdiri daripada 10 usahawan luar negara telah menyertai program ini pada Ogos 2024. MyHeart juga menggalakkan kolaborasi pengetahuan antara diaspora dan institusi tempatan melalui program Kolaborasi MyHeart, khususnya dalam bidang penyelidikan dan pendidikan.

Untuk memperkukuh sokongan kepada pemohon REP, Sesi Jaringan REP diwujudkan bagi memudahkan mereka berhubung dengan syarikat seperti Shell, Maybank, dan Maxis, membuka peluang untuk

kerjasama projek atau penempatan pekerjaan. Selain itu, kementerian juga memberi perhatian kepada kemudahan pendidikan bagi anak-anak diaspora yang ingin kembali ke Malaysia dengan menyediakan maklumat tentang institusi pendidikan tempatan.

Program Young Global Leader (YGL) pula bertujuan untuk membangunkan generasi pemimpin masa depan Malaysia melalui program bimbingan, jaringan, dan kepimpinan. Sementara itu, Program Semester Break memberi peluang kepada pelajar Malaysia yang berada di luar negara untuk menjalani latihan praktikal di syarikat tempatan semasa cuti semester mereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. HAJI ABD GHANI BIN AHMAD
[JERLUN]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

**DR. HAJI ABD GHANI BIN AHMAD [JERLUN] minta MENTERI
PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN menyatakan:**

- (a) adakah Kementerian menyediakan bantuan khas padi "lemas" akibat banjir baru-baru ini kepada pesawah; dan
- (b) jika ya, apakah kriteria yang ditetapkan bagi melayakkan pesawah mendapat bantuan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kejadian padi lemas boleh ditakrifkan sebagai pokok padi yang tenggelam akibat banjir meliputi usia padi yang telah berbunga (usia padi: 45 – 70 hari), masak (usia padi: 70 – 90 hari) dan sedia untuk dituai (usia padi: 115 – 120 hari). Terdapat bantuan yang disediakan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) kepada para pesawah yang mengalami kemerosotan pengeluaran hasil padi akibat bencana alam termasuklah padi "lemas" akibat bencana banjir, sebagai contoh, banjir besar yang melanda negeri Kedah baru-baru ini. Bantuan yang diberikan adalah melalui Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP). Bantuan ini adalah berbentuk *touch point* iaitu penyaluran bantuan secara tunai khusus kepada pesawah yang mengalami kerugian akibat bencana alam.

Kadar bantuan yang diberikan kepada pesawah adalah mengikut keluasan musnah (hektar) iaitu bagi peringkat tanaman 1 hingga 70 hari, kadar bantuan adalah sebanyak RM876 per hektar, manakala bagi peringkat tanaman 71 hingga 120 hari adalah sebanyak RM1,800 per hektar. Jumlah maksimum bantuan kepada setiap pesawah yang layak adalah terhad kepada kawasan musnah seluas tiga (3) hektar sahaja dalam satu musim penanaman.

- (b) Kriteria yang ditetapkan bagi pemberian bantuan ini ialah:
- (i) warganegara Malaysia;
 - (ii) pesawah individu berdaftar dengan Agensi di bawah Kementerian; dan
 - (iii) mempunyai dokumen diri yang sah.

Para pesawah yang terjejas boleh mengemukakan permohonan kepada Jabatan Pertanian (DOA) Daerah atau DOA Negeri. Antara dokumen yang diperlukan adalah:

NO SOALAN : 22

- (i) salinan laporan polis;
- (ii) gambar semasa dan selepas kejadian di kawasan terjejas sepertimana tatacara pengambilan gambar yang ditetapkan;
- (iii) rekod taburan hujan atau bencana lain; dan
- (iv) dokumen-dokumen lain dan bukti-bukti yang sah.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN HAJI MUHAMMAD
ISLAHUDDIN BIN ABAS [MERSING]**

TARIKH : **4 NOVEMBER 2024 (ISNIN)**

SOALAN

TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN ABAS [MERSING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan jangka sederhana dan panjang Kementerian dalam menambah baik kemudahan perkhidmatan bagi pesakit kanser khususnya di kawasan luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan menambah baik perawatan kanser secara holistik di fasiliti KKM sama ada di peringkat primer, sekunder dan tertiar. Penambahbaikan ini dilaksanakan bagi meningkatkan akses pesakit kepada aktiviti promosi, pencegahan, saringan, imunisasi, rawatan, pemulihan dan paliatif.

2. Rawatan kanser di peringkat sekunder dan tertiar memerlukan perawatan yang khusus, komprehensif dan bersepadu merangkumi ketersediaan infrastruktur, peralatan perubatan moden, ubat-ubatan serta sumber manusia yang kompeten dan terlatih dalam perkhidmatan perawatan kanser.

3. Bagi perancangan jangka masa sederhana (Rancangan Malaysia RMK12), Kementerian Kesihatan:

- (a) meluaskan rawatan kanser melalui perkhidmatan kepakaran Pembedahan yang disediakan hampir di seluruh hospital berpakar Kementerian Kesihatan;
- (b) menyediakan rawatan kemoterapi di 41 hospital Kementerian Kesihatan di seluruh negara;
- (c) menyediakan perkhidmatan kepakaran Onkologi bagi pesakit dewasa di 8 pusat rawatan kanser iaitu di:
 - i) Institut Kanser Negara (IKN)
 - ii) Hospital Kuala Lumpur
 - iii) Hospital Pulau Pinang
 - iv) Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru
 - v) Hospital Wanita dan Kanak-Kanak, Likas, Sabah
 - vi) Hospital Umum Sarawak, Kuching, Sarawak
 - vii) Hospital Raja Perempuan Bainun, Ipoh, Perak
 - viii) Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu, Kelantan.
- (d) menempatkan pakar onkologi residen di Hospital Alor Gajah, Melaka pada tahun 2025.
- (e) meluaskan perkhidmatan Onkologi melalui klinik lawatan (*visiting*) pakar ke 2 hospital tanpa pakar residen iaitu di Hospital

Tengku Ampuan Rahimah, Klang dan Hospital Seberang Jaya, di samping pengukuhan perkhidmatan di 20 hospital dengan perkhidmatan sedia ada.

- (f) menyediakan rawatan kanser kanak-kanak oleh perkhidmatan pediatrik di 65 hospital KKM di seluruh negara.
- (g) mengukuhkan perkhidmatan sedia ada bagi rawatan kanser khusus oleh pakar perubatan pediatrik hemato-onkologi di 7 hospital KKM iaitu:
 - i) Hospital Tunku Azizah, Kuala Lumpur
 - ii) Hospital Sultanah Nur Zahirah, Terengganu
 - iii) Hospital Pulau Pinang
 - iv) Hospital Raja Perempuan Bainun, Ipoh, Perak
 - v) Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru, Johor
 - vi) Hospital Wanita dan Kanak-Kanak, Likas, Sabah
 - vii) Hospital Umum Sarawak, Kuching, Sarawak
- (h) menempatkan pakar perubatan pediatrik hemato-onkologi residen di 2 hospital KKM iaitu di Hospital Sultanah Bahiyah di Alor Setar, Kedah dan Hospital Tengku Ampuan Afzan di Kuantan, Pahang.
- (i) peluasan akses perkhidmatan dengan penyumberluaran perkhidmatan radioterapi ke hospital swasta seluruh negara melalui inisiatif *Hospital Services Outsourcing Program (HSOP)*.
- (j) pengukuhan perkhidmatan di klinik kesihatan Kementerian Kesihatan, yang tertumpu kepada aktiviti-aktiviti promosi, pencegahan, saringan bagi pengesanan risiko kanser, imunisasi, pemulihan dan juga paliatif. Antara aktiviti-aktiviti pencegahan yang dilakukan adalah pengesanan kanser payudara, pengesanan kanser serviks, pengesanan kanser usus, pengesanan kanser oral dan pemberian vaksin *Human Papilloma Virus (HPV)* untuk mencegah kanser serviks. Aktiviti-aktiviti ini bukan sahaja dijalankan di klinik-klinik statik, bahkan turut melibatkan pasukan kesihatan bergerak ke kawasan luar bandar dan pedalaman.

4. Bagi **perancangan jangka masa panjang** (Rancangan Malaysia RMK13 dan seterusnya), KKM merancang untuk melaksanakan:

- (a) peluasan perkhidmatan onkologi dan rawatan kanser dengan menempatkan pakar onkologi residen di 6 hospital KKM bagi tahun 2026 sehingga 2029, iaitu:
- i) Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan.
 - ii) Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar.
 - iii) Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar.
 - iv) Hospital Tawau.
 - v) Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat.
 - vi) Hospital Duchess of Kent, Sandakan.
- (b) peluasan perkhidmatan Onkologi melalui klinik lawatan (*visiting*) pakar ke 2 hospital tanpa pakar residen iaitu Hospital Beaufort, Sabah dan Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang, Johor.
- (c) pembangunan Pusat Kanser yang menyediakan fasiliti rawatan kanser yang komprehensif seperti Pusat Kanser Sarawak yang baharu sahaja diluluskan dan kini berada di dalam fasa pra pelaksanaan dan Pusat Kanser Wilayah Utara di Kedah, yang mana butiran kerja awalan bagi pembangunan juga telah diluluskan
- (d) peluasan perkhidmatan Perubatan Nuklear yang menawarkan khidmat diagnostik dan seliaan pesakit kanser seperti pembinaan Projek Perkhidmatan Perubatan Pengimejan Nuklear & PET Hospital Sultan Ismail yang kini dalam fasa pra-pelaksanaan.
- (e) pembangunan fasiliti dengan kepakaran Onkologi di setiap negeri dan bandar-bandar utama di Sabah dan Sarawak secara berfasa berdasarkan prioriti menjelang tahun 2045
- (f) pengukuhan kerjasama awam - swasta melalui HSOP bagi meneruskan kesinambungan akses dan kemudahan rawatan kanser kepada pesakit

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ
SYED ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL [BUKIT GANTANG] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian akan menyiasat keadaan jalan Persekutuan FT1 iaitu antara Kampung Jelutong ke Kuala Kangsar (Bukit Berapit) yang memerlukan penurapan semula dan penambahbaikan jalan yang berlubang serta permukaan yang tidak sekata. Jalan ini merupakan jalan alternatif menghubungkan Changkat Jering ke Kuala Kangsar, Gerik, Ipoh, Kuala Lumpur dan terus ke Selatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi Parlimen Bukit Gantang, Jalan Persekutuan yang terlibat adalah laluan **FT001 Jalan Ipoh – Butterworth Seksyen 661.0 – 674.5 dan Seksyen 677.0 – 687.0, FT74 Jalan Kuala Sepetang – Taiping Seksyen 0 – 10.95 dan Seksyen 12.0 – 14.3 dan FT60 Jalan Changkat Jering - Trong - Batu Hampar Seksyen 53.7 – 88.0 sepanjang 47.55 km yang disenggara oleh syarikat konsesi penyenggaraan Jalan Persekutuan.**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan peruntukan yang telah disalurkan bagi **kerja-kerja penyenggaraan berkala** di Jalan Persekutuan yang dimaksudkan adalah berjumlah **RM 5.5 juta** untuk tahun 2021, **RM10.1 juta** untuk tahun 2022 dan **RM10.25 juta** untuk tahun 2023. Sehingga Oktober 2024, Kementerian ini telah meluluskan peruntukan sebanyak **RM5.73 juta** di Jalan-jalan Persekutuan di dalam kawasan Parlimen Bukit Gantang.

Kelulusan kerja-kerja ini merangkumi **RM 1.2 juta bagi kerja-kerja Penyenggaraan Rutin, RM 3.17 juta bagi Program Penyenggaraan Berkala Pavemen, RM 0.62 juta bagi Program Penyenggaraan Berkala Bukan Pavemen dan RM 0.7 juta bagi Program Penyenggaraan Lampu Jalan dan Lampu Isyarat.**

Kementerian ini memahami isu yang dibangkitkan iaitu jalan yang berlubang serta permukaan yang tidak sekata di laluan Persekutuan **FT001 Jalan Ipoh – Butterworth** antara Kampung Jelutong ke Kuala Kangsar (Bukit Berapit) dari seksyen 661 ke seksyen 669 sepanjang 8 km. **Bagi lokasi aduan di laluan Persekutuan FT001, Kementerian ini telah mengenal pasti kerosakan permukaan jalan yang dianggarkan berjumlah RM4.5 juta di bawah Program Penyenggaraan Berkala Pavemen. Namun begitu, kelulusan kerja ini adalah tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan serta senarai keutamaan kerja yang disediakan oleh Jabatan Kerja Raya berdasarkan penilaian tahap kritikal kerosakan jalan bagi**

keseluruhan jaringan Jalan Persekutuan di bawah seliaan Kementerian ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya sentiasa komited dalam memastikan jalan sentiasa dalam keadaan yang selamat dan selesa dengan menjalankan kerja-kerja penyenggaraan rutin sepanjang tahun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KALAM BIN SALAN
[SABAK BERNAM]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN KALAM BIN SALAN [SABAK BERNAM] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan senarai aset kapal yang masih digunakan TLDM dan adakah Kerajaan bercadang untuk memiliki aset kapal induk / kapal pengangkut pesawat pejuang untuk menjaga perairan dan keselamatan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertahanan melalui Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) sentiasa komited dalam memastikan keselamatan perairan negara dan mencegah sebarang bentuk ancaman di kawasan perairan negara. Pada masa kini, TLDM mengoperasikan sebanyak 53 buah kapal yang terdiri dari pelbagai kelas bagi memenuhi keperluan operasi serta pelaksanaan rondaan di Zon Maritim Malaysia. Ianya melibatkan kapal selam, frigat, korvet, kapal ronda, kapal logistik, kapal penangkis periuk api, kapal latihan, kapal layar dan kapal hidrografi.

2. Berhubung cadangan supaya Kerajaan memiliki aset kapal induk/kapal pengangkut pesawat pejuang, Kerajaan perlu memberi fokus terhadap perolehan aset-aset strategik yang telah digariskan dalam Kertas Putih Pertahanan. Pada masa ini, pihak TLDM telah membangunkan pelan pembangunan keupayaan domain laut bagi memperkasakan keupayaan pertahanan dan kapasiti ATM dalam mencegah sebarang bentuk ancaman di kawasan perairan negara selaras dengan Kertas Putih Pertahanan melalui Penjajaran Pelan Transformasi TLDM 15to5 (Platform).

3. Kertas Putih Pertahanan juga telah menjelaskan perancangan Kerajaan bagi membangunkan Angkatan Masa Hadapan untuk merealisasikan strategi Cegah Rintang Berpadu. Strategi ini menggariskan keperluan keupayaan TLDM yang merangkumi keupayaan pelbagai dimensi peperangan maritim, pengangkutan laut strategik serta operasi amfibi. Bagi memenuhi keperluan pengangkutan laut strategik dan operasi amfibi, TLDM telah melaksanakan perolehan kapal *Multi Role Support Ship* (MRSS) di bawah RMKe-13. Kapal MRSS ini juga berupaya membawa sekurang-kurangnya 2 buah helikopter dan bertindak sebagai kapal induk bagi tujuan pelbagai operasi maritim.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI
BIN HANAPI [TANJONG KARANG]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

KAPTEN DATO' DR. ZULKAFPERI BIN HANAPI [TANJONG KARANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian merancang untuk menilai semula kadar bayaran kerja ke atas petugas yang menerima panggilan aktif atau pasif yang kini didapati amat rendah berbanding tugas berat yang dipikul oleh anggota kesihatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan telah mengkaji untuk menaikkan kadar bayaran bagi tugas atas panggilan selepas waktu bekerja biasa meliputi tugas atas panggilan secara aktif dan pasif bagi pegawai perubatan dan pegawai pergigian.
2. Kerajaan menerusi Belanjawan 2025 pada 18 Oktober 2024 telah bersetuju supaya Elaun Tugas Atas Panggilan bagi pegawai perubatan dan pegawai pergigian dinaikkan antara RM55 hingga RM65. Kenaikan elaun ini akan dilaksanakan secara bersasar mengikut bidang perkhidmatan dan Jabatan tertentu.
3. Selaras dengan cadangan agensi pusat, Kementerian Kesihatan akan melaksanakan projek rintis sekurang-kurangnya 3 bulan melibatkan fasiliti hospital dan klinik kesihatan yang telah dikenal pasti.
4. Hasil pelaksanaan ini akan dikemukakan kepada agensi pusat untuk peluasan pelaksanaan ke seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR
[BATU PAHAT]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR [BATU PAHAT] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah menaikkan taraf Stadium Batu Pahat yang tiada kemudahan trek belapan demi kegunaan orang ramai dan atlet sukan tetapi juga menjadi lokasi penting lebih 175 buah sekolah dalam daerah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, **Stadium Batu Pahat merupakan aset di bawah seliaan Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP) dan perancangan untuk menaik taraf stadium tersebut dijangka akan bermula pada bulan Mac 2025 mengguna pakai peruntukan MPBP sendiri.** Skop kerja-kerja menaik taraf stadium ini akan melibatkan penambahbaikan sistem saliran air padang, permukaan padang dan membina balapan dengan anggaran kos projek berjumlah RM3.0 juta.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) bertanggungjawab menyediakan **peruntukan projek-projek kecil BP.1 kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).** Projek-projek kecil ini meliputi kerja-kerja penyelenggaraan infrastruktur dan kemudahan awam seperti tandas awam dan sistem pencahayaan, **termasuklah kawasan stadium.**

KPKT sentiasa komited dalam cita-cita dan usaha untuk menangani permasalahan dan meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui peranan kerajaan tempatan. Sehubungan itu, **MPBP boleh mengemukakan permohonan peruntukan di bawah projek BP.1 bagi menaik taraf stadium serta kemudahan sukan untuk dipertimbangkan mengikut skop dan kriteria yang ditetapkan oleh KPKT.**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WETROM BIN BAHANDA
[KOTA MARUDU]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK WETROM BIN BAHANDA [KOTA MARUDU] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan perancangan Kementerian untuk menaik taraf ekonomi rakyat Kota Marudu sesuai dengan infrastruktur yang ada :

- (a) berapa peruntukan Kementerian yang telah dilaksanakan untuk tahun 2024; dan
- (b) peruntukan bagi tahun 2025 yang dicadangkan untuk daerah Kota Marudu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa memberi perhatian dan prihatin kepada keperluan dan kemakmuran rakyat di seluruh negara. Kerajaan juga sentiasa berusaha untuk memastikan kesejahteraan rakyat terus menjadi keutamaan bagi memelihara dan meningkatkan taraf hidup rakyat khususnya di negeri Sabah.

2. Bagi tahun 2024, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM6.3 bilion untuk melaksanakan projek-projek pembangunan di negeri Sabah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM151.2 juta telah disediakan bagi membiayai pelaksanaan 40 projek pembangunan di Kota Marudu. Beberapa projek pembangunan utama yang sedang dilaksanakan di Kota Marudu adalah seperti berikut:

- 2.1 Menaiktaraf Jalan Samparita-Jalan Sonsogon Magandai, Kota Marudu, Sabah – Kos RM279.0 juta;
- 2.2 Pembinaan Baharu Sekolah Menengah Kebangsaan Langkon, Kota Marudu, Sabah – Kos RM47.3 juta;
- 2.3 Skim Pembedungan Kota Marudu Fasa 1 – Kos RM120.0 juta;
- 2.4 Projek Pembahagian - Penambahbaikan Sistem 33KV Di Kota Marudu Dan Pitas – Kos RM31.1 juta; dan
- 2.5 Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 5) Sikuati, Kudat, Sabah – Kos RM20.0 juta.

3. Berdasarkan Belanjawan 2025 yang telah dibentangkan pada 18 Oktober 2024, sebanyak RM79.7 juta telah diperuntukan kepada Kota Marudu berbanding jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak RM6.7 bilion di negeri Sabah dalam meningkatkan aktiviti sosioekonomi bagi merencanakan lagi pertumbuhan ekonomi negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN HAJI YUSUF BIN ABD. WAHAB
[TANJONG MANIS]**

TARIKH : **4 NOVEMBER 2024 (ISNIN)**

SOALAN

TUAN HAJI YUSUF BIN ABD. WAHAB [TANJONG MANIS] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah pengoperasian di klinik baharu di RGC Semop akan dimulakan. Apakah masalah yang melambatkan operasi di klinik baharu tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Projek pembinaan Klinik Kesihatan Jenis 6 dengan Kwarters di Semop, Mukah telah bermula pada 4 Oktober 2021, dengan jangkaan tarikh siap asal adalah pada 3 April 2023. Namun begitu, projek tersebut hanya berjaya disiapkan pada 31 Januari 2024.
2. Kelewatan ini adalah disebabkan oleh pelaksanaan Syarat Perubahan Harga (VOP) berikutan situasi pandemik COVID-19 dan kelulusan *Extensions Of Time* (EOT) yang disebabkan oleh perubahan kerja.
3. Pada masa ini, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak dalam tindakan untuk mendapatkan Surat Sokongan Menduduki daripada pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat. Klinik Kesihatan Semop dijangka dapat beroperasi pada hujung tahun 2024 setelah surat Sokongan Bomba diperolehi.
3. Buat masa ini, penduduk di kawasan Semop menerima perkhidmatan kesihatan melalui perkhidmatan Klinik Bergerak dari Klinik Kesihatan Daro pada setiap bulan dengan aktiviti lawatan secara berkala di 6 buah kampung yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS
TANGAU [TUARAN]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU [TUARAN] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah faktor-faktor yang menyebabkan kelewatan pembinaan Projek Menaik Taraf Jalan Bulatan Berungis ke Bulatan Mengkabong dan ke Pekan Tuaran walaupun sudah diberi peruntukan sejak daripada Rancangan Malaysia ke-11 (RMKe-11) lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan semakan Kementerian Kerja Raya, Projek Menaiktaraf Jalan Berungis (R503 & 041003), Tuaran, Sabah telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* 3 Rancangan Malaysia Ke-11 (RP3 RMKe-11). Walau bagaimanapun, projek ini tidak dapat dilaksanakan dan tidak disambung butirannya di bawah RMKe-12 oleh kerana isu jajaran projek yang berstatus jalan negeri dan tiada persetujuan pemertuaan kepada jalan Persekutuan oleh pihak Kerajaan Negeri Sabah.

Manakala, Projek Menaik Taraf Jalan Bulatan Berungis ke Bulatan Mengkabong yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah merupakan Projek Menaik Taraf Jalan Berungis (Laluan 503), Dari KM 0.2 hingga KM 2.9 Tuaran, Sabah dan telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan pada 12 November 2021 di bawah *Rolling Plan* kedua, Rancangan Malaysia ke-12 (RP2 RMKe-12) dengan kos berjumlah RM150.7 juta. Jajaran jalan yang dinaik taraf adalah bermula daripada Bulatan Jalan Berungis hingga ke Persimpangan Jalan Marabhai Spur sepanjang 2.9 km yang melalui bulatan Mengkabong.

Agensi Pelaksana bagi projek ini adalah Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia dan pihak JKR Negeri Sabah sebagai Pegawai Penguasa. Projek ini dilaksanakan secara kaedah reka dan bina dan Surat Setuju Terima (SST) kepada kontraktor yang berjaya telah dikeluarkan pada bulan Mac 2024. Status terkini projek ini adalah sedang di peringkat akhir penyediaan rekabentuk terperinci yang dijangka selesai pada bulan Disember 2024.

Pada masa yang sama juga, JKR Negeri Sabah sedang melaksanakan penyelarasan bagi urusan proses pengambilan balik tanah dengan pihak Jabatan Tanah dan Ukur (JTU) Negeri Sabah dan pengalihan utiliti dengan syarikat utiliti yang terlibat sejak bulan Ogos 2024. Pelaksanaan fizikal di tapak dijangka bermula pada suku kedua tahun 2025 tertakluk kepada penyelesaian urusan pengambilan balik tanah dan pengalihan utiliti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya juga sedang melaksanakan Kerja Awalan Menaik Taraf Jalan Berunggis Ke Serusup Dari Persimpangan Jalan Marabahai Spur Ke Jalan Sulaman (R503), Tuaran, Sabah (Pengambilan Tanah & Rekabentuk). Jajaran Kerja Awalan ini bermula dari Simpang Jalan Marabahai Spur (*End chainage* bagi projek Menaik Taraf Jalan Berunggis (Laluan 503), Dari KM 0.2 Hingga KM 2.9 Tuaran, Sabah) hingga ke Jalan Sulaman (*Starting Chainage* bagi Projek Pan Borneo WP02: Serusup Pituru). Cadangan pelaksanaan projek ini bagi melengkapkan *missing link* di antara dua projek yang disebutkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerja Awalan ini telah diluluskan dalam Rolling Plan 4, Rancangan Malaysia ke-12 (RP4, RMKe-12) dengan kos siling kerja awalan sebanyak RM53.45 juta. Kerja Awalan ini telah mula pada 14 Ogos 2024 dan dijadualkan siap pada 30 Jun 2025, skop kerja awalan ini melibatkan Kerja Ukur Tanah, Kerja Siasatan Tapak (*Site Investigation, SI*), Kajian *Environmental Impact Assessment* (EIA), Kajian *Social Impact Assessment* (SIA), Kajian Trafik, Pemetaan Utiliti, Penyediaan Rekabentuk Terperinci, Pengambilan Balik Tanah dan lain-lain skop yang diperlukan berdasarkan keperluan projek.

Hasil daripada kerja awalan tersebut adalah sebagai penyediaan awal bagi pelaksanaan projek fizikal kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN CHOW KON YEOW [BATU KAWAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai perancangan menambah kemudahan klinik kesihatan membabitkan kawasan berkepadatan tinggi di Pulau Pinang termasuk Bandar Cassia, Batu Kawan. Jika tidak, apakah resolusi bagi menangani kesesakan di klinik sedia ada.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penduduk Bandar Cassia seramai 20 ribu orang mendapat perkhidmatan kesihatan primer daripada 3 klinik kesihatan dan 2 klinik komuniti yang terletak dalam lingkungan 3 hingga 14 km.
2. KKM mempunyai rancangan untuk membina sebuah klinik kesihatan yang baharu di Bandar Cassia dan kini dalam proses untuk mengenal pasti tapak yang bersesuaian bagi tujuan tersebut. Walau bagaimanapun perancangan ini adalah tertakluk kepada peruntukan kerajaan. Untuk makluman, Kerajaan telahpun meluluskan pembangunan Klinik Kesihatan Bandar Tasek Mutiara yang baharu (gantian) dan kini dalam peringkat pembinaan. Ianya dijangka siap pada September 2026. Klinik baharu ini bakal memberi perkhidmatan yang lengkap dan berkualiti bagi kawasan liputan populasi di kawasan tersebut termasuk penduduk Bandar Cassia.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LO SU FUI [TAWAU]

TARIKH : 4 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN LO SU FUI [TAWAU] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perancangan meningkatkan penggunaan peralatan moden seperti "dron pemadam kebakaran" bagi Balai Bomba Tawau yang uzur, untuk mengurangkan kos dan risiko kepada anggota memandangkan Parlimen Kalabakan dan Tawau meliputi 6,147.6 km² dengan lebih 50 ribu rumah atas air dan penduduk melebihi 1 juta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sentiasa fokus dan komited dalam memperluaskan capaian perkhidmatan kebombaan bagi memastikan aspek keselamatan dan kesejahteraan rakyat seluruh negara terus terjamin sebagaimana yang telah digariskan dalam **Kerangka Strategik Malaysia MADANI** di bawah strategi **Meningkatkan Keselamatan Negara (Teras Strategik 3)**.

Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Tawau mula beroperasi pada tahun 1972 dan merupakan **BBP Kategori B**. Pada 9 Februari 2021 balai ini telah dinaik taraf kepada **Kategori A** dengan kekuatan keanggotaan seramai 69 orang. BBP Tawau beroperasi dengan kekuatan logistik seperti berikut :

BIL.	LOGISTIK	JUMLAH
1.	Jentera <i>Fire Rescue Tender</i> (FRT)	2 buah
2.	Jentera <i>Water Tanker</i>	1 buah
3.	Jentera <i>EMRS</i>	1 buah
4.	Toyota Hilux	1 buah
5.	Nissan Urvan	1 buah
6.	Lori Isuzu 5 tan	1 buah
7.	Bot aluminium	3 buah

Pada tahun 2024 pula, KPKT telah membuat perolehan jentera bomba terbaru iaitu **Compact Fire Rescue Tender (CFRT)** sebanyak 150 unit bernilai RM145.8 juta dengan proses pembekalan yang akan dilaksanakan secara berperingkat sehingga tahun 2028. Jentera tersebut akan diagihkan ke BBP seluruh negara di mana **JBPM Negeri Sabah** akan menerima sebanyak 13 buah jentera sebagai tambahan.

Selain itu, perolehan peralatan pemadaman dan penyelamatan turut dibuat melibatkan perolehan **50 unit *hydraulic rescue tools*** bernilai **RM4.97 juta** dan **80 unit pam angkut** bernilai **RM5.15 juta**. **JBPM Negeri Sabah** akan menerima **14 unit *hydraulic rescue tools*** dan **11 unit pam angkut** untuk dibuat penggantian. Selanjutnya pada tahun ini juga, **Kementerian telah melaksanakan kerja-kerja pembaikan BBP Tawau melibatkan kos keseluruhan bernilai RM398 ribu** melibatkan penyelenggaraan dalaman pejabat dan luaran bangunan, pembaikan pagar konkrit keliling balai, penyelenggaraan bilik *standby*, pantri serta tandas balai.

Bagi kawasan Parlimen Kalabakan, perkhidmatan kebombaannya pada masa kini dibantu oleh **empat (4) buah Pasukan Bomba Sukarela (PBS) yang berdaftar** seperti berikut:

BIL.	PASUKAN BOMBA SUKARELA	AHLI
1	PBS Gugusan Felda UMAS	31
2	PBS Kampung Merotai Besar	10
3	PBS Pulau Sebatik	23
4	PBS Kalabakan	27

Bagi cadangan penggunaan peralatan moden seperti dron pemadam kebakaran, KPKT menyambut baik cadangan Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman, penggunaan dron telah pun dilaksanakan oleh JBPM di mana terdapat **20 unit dron di seluruh negara** yang digunakan khas untuk kerja-kerja **penyiasatan kebakaran**. Manakala **tiga (3) unit dron** digunakan untuk membantu kerja-kerja **operasi *search and rescue* (SAR) dan pemadaman** yang dilengkapi dengan *thermal image camera* yang dipasang pada dron untuk **mengesan *hot spot* laluan api dan melaksanakan *mapping* bagi kawasan-kawasan yang terjejas dengan bencana**. Lokasi penempatan setiap dron tersebut adalah seperti berikut:

BIL	LOKASI PENEMPATAN DRON	UNIT	KEGUNAAN
1	Pangkalan Udara Wilayah Tengah, Subang	2	Membantu operasi SAR dan pemadaman
2	Pangkalan Udara Wilayah Utara, Bertam	1	
3	JBPM Negeri Selangor	2	Membantu kerja-kerja penyiasatan kebakaran
4	JBPM Negeri Johor	2	
5	JBPM Negeri Pahang	2	
6	JBPM Negeri Perak	2	
7	JBPM Kuala Lumpur	1	
8	JBPM Negeri Sabah	1	
9	JBPM Negeri Sarawak	1	
10	JBPM Negeri Pulau Pinang	1	
11	JBPM Negeri Kedah	1	
12	JBPM Negeri Terengganu	1	
13	JBPM Negeri Kelantan	1	
14	JBPM Negeri Sembilan	1	
15	JBPM Negeri Melaka	1	
16	JBPM Negeri Perlis	1	
17	JBPM Labuan	1	
18	JBPM Putrajaya	1	
JUMLAH		23	

KPKT akan melaksanakan kajian dari semasa ke semasa bagi memastikan kaedah dan teknologi yang bersesuaian, termasuk perluasan penggunaan dron pemadaman kebakaran sebagai usaha meningkatkan keupayaan memadam kebakaran di pelbagai lokasi dan permukaan geografi, termasuk di kawasan rumah atas air. Dalam masa yang sama, KPKT melalui JBPM sedang melaksanakan perolehan tender lima (5) buah *fire boat* yang bernilai RM17 juta untuk membantu operasi pemadaman dan penyelamatan di air.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' VERDON BIN BAHANDA [KUDAT]

TARIKH : 4 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' VERDON BIN BAHANDA [KUDAT] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan perancangan Kerajaan untuk memaksimumkan potensi industri perikanan di Parlimen Kudat. Kedudukan geografi Kudat yang terletak di zon ekonomi BIMP-EAGA berpotensi sebagai hub-perikanan antarabangsa sekaligus meningkatkan industri penting negara. Apakah insentif dan perancangan Kementerian khususnya pembangunan infrastruktur, pengurusan sumber laut dan penyelidikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sentiasa mencari peluang untuk memaksimumkan potensi industri perikanan negara termasuk di Parlimen Kudat. Kedudukan geografi Kudat yang terletak di zon ekonomi BIMP-EAGA berpotensi sebagai hub-perikanan antarabangsa sekali gus meningkatkan industri perikanan negara.

Sejumlah 21 orang penternak akuakultur marin daerah Kudat telah diberikan insentif dan bimbingan melalui Program Peningkatan Produktiviti Pengeluaran Pengusaha Akuakultur Marin, Program Pembangunan Komoditi Akuakultur Marin, Program Pembangunan Infrastruktur dan Fasiliti Akuakultur Marin dan Program Pengusaha Akuakultur Marin sepanjang tahun 2021 hingga 2024.

Bagi memastikan pembangunan infrastruktur dan pengurusan sumber laut di Parlimen Kudat, KPKM melalui Jabatan Perikanan Sabah (DOFS) telah melaksanakan Projek Santuari dan Konservasi Perikanan Marin dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang dilaksanakan di Perairan Pantai Kelambu, Taman Tun Mustapha, Kudat mulai tahun 2021. Projek perintis ini bertujuan untuk mewujudkan kawasan santuari marin dengan melibatkan kerjasama pihak berkepentingan khususnya komuniti nelayan setempat agar mereka lebih komited dalam menjaga ekosistem marin di kawasan mereka, selain berpeluang menjana pendapatan tambahan melalui aktiviti ekopelancongan.

Salah satu skop di bawah projek ini adalah pelabuhan tukun tiruan rekreasi bagi membantu dalam rehabilitasi terumbu karang. Peningkatan kawasan terumbu karang secara tidak langsung akan meningkatkan populasi ikan dan sumber marin lain, memanfaatkan komuniti setempat yang bergantung kepada hasil laut.

NO SOALAN : 34

KPKM melalui DOFS juga dalam perancangan untuk melaksanakan pentaksiran sumber dan biologi ikan bilis di Kudat dan penyelidikan berkaitan impak keberkesanan program bantuan Jabatan Perikanan Sabah ke atas sosioekonomi nelayan tradisional di Kudat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHAMAD SHAFIZAN BIN HAJI
KEPLI [BATANG LUPAR]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN MOHAMAD SHAFIZAN BIN HAJI KEPLI [BATANG LUPAR] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan pencapaian aplikasi MYJalan dalam menyelesaikan aduan kerosakan jalan di Malaysia serta adakah Kementerian mempunyai rancangan untuk membina lebih banyak kawasan rehat dan rawat (RnR) dan lampu jalan di sepanjang jajaran Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak berikutan berlakunya banyak kemalangan pada waktu malam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Aplikasi MYJalan telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 24 Ogos 2023 yang lalu di Gerik, Perak. Program ini merupakan salah satu usaha Kementerian dalam menyahut gagasan Malaysia MADANI yang telah diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri berpaksikan salah satu daripada enam nilai teras, iaitu Kesejahteraan Rakyat.

Program MYJalan ini akan memudahkan pengguna jalan raya membuat aduan berkaitan kerosakan jalan yang mana ia bertujuan meningkatkan tahap keselamatan dan keselesaan pengguna jalan raya serta dapat mengurangkan kes kemalangan jalan raya yang disebabkan oleh kerosakan jalan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga **30 September 2024** Apps MYJalan Kementerian Kerja Raya (KKR) telah menerima sebanyak **20,042** aduan kerosakan terdiri daripada pelbagai kategori aduan. Daripada jumlah tersebut, **6,019** atau **30%** merupakan aduan dibawah seliaan KKR dan Agensi yang melibatkan Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri manakala bakinya **14,023** aduan atau **70%** merupakan Luar Bidang Kuasa KKR.. KKR dan Agensi telah menyelesaikan **5,738** bersamaan **95.33%** daripada aduan dibawah bidang kuasa yang diterima, manakala baki sebanyak **281** atau **4.67%** masih di dalam tindakan.

Manakala kategori Jalan Berlubang merupakan kategori tertinggi sebanyak **39.57%** (**2,382**), diikuti Jalan Rosak **18.06%** (**1,087**), Lampu Jalan **16.35%** (**984**) dan Lampu Isyarat **10.53%** (**634**). Baki **15.49%** (**932**) adalah lain-lain kategori.

Di samping itu, Aplikasi MYJalan turut menerima **14,023** aduan Luar Bidang Kuasa KKR. Walaubagaimanapun selaras dengan dasar “No Wrong Door Policy (NWD)” aplikasi ini di mana aduan-aduan tersebut telah disalurkan kepada jabatan berkenaan. Aduan ini membabitkan

aduan jalan di bawah seliaan pelbagai agensi antaranya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah dan Tanah, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), Jabatan Pengairan dan Saliran, jalan di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak, Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah dan lain-lain.

Aplikasi MYJalan KKR turut merekodkan penerimaan aduan berkaitan jalan raya di Negeri Sarawak berjumlah **453 aduan. Daripada jumlah tersebut, 12 aduan di bawah seliaan KKR dan 441 aduan melibatkan bidang kuasa pelbagai Agensi Negeri Sarawak.**

KKR akan terus melaksanakan pelbagai program dan sesi libat urus bersama-sama pihak berkepentingan yang lain bagi memastikan setiap aduan ditangani dengan berkesan demi kesejahteraan rakyat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di sepanjang jajaran Projek Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Sarawak khususnya dari Telok Melano ke Miri, tiga (3) kawasan Rehat dan Rawat (*Rest and Service Area – RSA*) dan lima (5) *layby* adalah termasuk di dalam skop projek.

Selain daripada menyediakan kemudahan asas untuk pengguna jalan raya untuk berehat dan solat, usahawan tempatan boleh menjana pendapatan dengan mengusahakan kemudahan kedai makan dan pasar tamu di RSA tersebut.

Bagi pemasangan lampu jalan di sepanjang Projek LPB Sarawak, lampu-lampu jalan dipasang di pusingan P, simpang-simpang utama, jejambat dan kawasan berkepadatan tinggi selaras dengan saranan Audit Keselamatan Jalan (*Road Safety Audit*). Bagi kawasan yang tidak tiada lampu jalan, pemantul cahaya (*light reflector*) dan penghadang jalan (*guard rail*) yang merupakan sebahagian daripada perabot jalan turut dipasang di sepanjang Projek LPB Sarawak. Sehubungan itu, sebarang perancangan bagi penambahan bilangan RSA dan *layby* masih dikaji tertakluk kepada keperluan trafik dan peruntukan sedia ada.

Kementerian ini amat mengambil berat akan isu keselamatan jalan raya khususnya di Jalan Persekutuan seluruh negara. Kementerian ini melalui

Program Menaiktaraf Infrastruktur Keselamatan Jalan Raya dan Peruntukan Khas Kementerian Kewangan Tahun 2023 ada melaksanakan skop pemasangan lampu jalan di kawasan berlaku kemalangan atau berisiko kemalangan akibat jalan gelap. Bagi skop ini, kawasan kerap kemalangan atau berisiko kemalangan seperti di persimpangan, selekoh dan jambatan serta kawasan yang mempunyai kemalangan akan dikenal pasti dan pemasangan lampu jalan akan dibuat secara setempat dan berskala kecil bukan bagi tujuan pencahayaan di sepanjang laluan. Pada tahun 2023, sejumlah RM15.03 juta telah dibelanjakan untuk pemasangan lampu jalan di 106 lokasi terpilih di Jalan Persekutuan di seluruh Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2023, sebanyak 4 lokasi di Jalan Persekutuan Negeri Sarawak telah dipasang lampu jalan dengan kos berjumlah RM0.8 juta.

Kementerian ini ingin memaklumkan bahawa bagi tahun 2024, sebanyak 21 lokasi Jalan Persekutuan di negeri Sarawak sedang dalam pemasangan lampu jalan di bawah program ini dengan kos keseluruhan berjumlah RM2.1 juta. Kerja pemasangan lampu jalan tersebut dijangka siap pada bulan Disember 2024.

Walau bagaimanapun, Kementerian ini mengambil maklum terhadap cadangan Ahli Yang Berhormat dan akan mempertimbangkan pemasangan lampu jalan di lokasi yang dimaksudkan atas faktor keselamatan sekiranya memenuhi kriteria yang ditetapkan mengikut keutamaan dan tertakluk kepada kelulusan peruntukan pembangunan oleh Agensi Pusat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE
[SANDAKAN]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah status terkini bagi Projek Kompleks Pendaratan Ikan di Sandakan dan bilakah projek ini akan disiapkan untuk menyelesaikan isu-isu yang dihadapi oleh nelayan sekian lama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) bertanggungjawab dalam menyediakan kemudahan pendaratan, pengendalian, penyimpanan dan pemasaran ikan. Pada masa kini, terdapat 48 buah kompleks/labuhan perikanan di bawah seliaan LKIM di seluruh negara.

Buat masa ini, Negeri Sabah masih belum mempunyai kompleks/labuhan perikanan LKIM. Sehubungan itu, cadangan pembinaan Kompleks Perikanan LKIM di Batu 2, Jalan Leila, Sandakan, Sabah adalah bertujuan untuk menyediakan kemudahan pendaratan ikan kepada nelayan setempat dan dijangka memberi manfaat kepada seramai 1,135 orang nelayan.

LKIM telah menjalankan kajian kesesuaian tapak bagi tujuan melengkapkan laporan Kajian Impak Alam Sekitar. LKIM juga telah mengemukakan data kerja ukur dan cadangan pelan susun atur komponen Kompleks Pendaratan Ikan Sandakan kepada perunding bagi tujuan penyediaan pelan pembangunan dan pelan-pelan lain yang berkaitan bagi mendapatkan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Keseluruhan proses sehingga kelulusan PBT dijangka selesai pada pertengahan tahun 2026.

Seterusnya, cadangan projek pembinaan kompleks ini akan dimohon di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM
[SEPUTEH]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2024

SOALAN

PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah aduan tentang kesilapan pembedahan kosmetik (*plastic surgery*) yang telah diterima oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Apakah Kementerian akan mengeluarkan garis panduan yang menghendaki pusat kecantikan yang menjalankan surgeri kecantikan untuk berdaftar dengan Kementerian sebagai langkah untuk melindungi pengguna.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada tahun 2023, Kementerian Kesihatan telah menerima sebanyak 306 aduan melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) dan aduan melalui emel berhubung isu komplikasi selepas menjalani prosedur estetik yang dijalankan di premis-premis tidak berdaftar. Begitu juga pada tahun 2024 (hingga September), Kementerian Kesihatan turut menerima sebanyak 46 aduan lagi berkaitan isu yang serupa.
2. Sementara itu, pakar perubatan bedah plastik di hospital Kerajaan di seluruh negara pula menerima dan merawat seramai 74 pesakit yang mendapat komplikasi daripada prosedur kecantikan yang dijalankan di premis-premis yang tidak berdaftar.
3. Statistik berkaitan aduan dan rawatan pemulihan ini berkemungkinan besar tidak menggambarkan situasi sebenar kes komplikasi yang berlaku kerana data ini tidak merangkumi kes-kes rawatan pemulihan yang diterima di hospital-hospital swasta dan ramai lagi mangsa yang tidak bersedia untuk tampil membuat aduan.
4. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan tidak pernah memberi keizinan atau membenarkan sebarang prosedur pembedahan atau prosedur estetik invasif dijalankan di pusat-pusat kecantikan. Prosedur estetik invasif ini hanya boleh dijalankan di premis-premis yang berdaftar atau berlesen di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*]. Prosedur-prosedur estetik invasif ini juga hanya boleh dijalankan oleh pengamal perubatan berdaftar yang memegang *Letter of Credentialing and Privileging* (LCP) untuk Amalan Perubatan Estetik.
5. Justeru, prosedur estetik invasif ini merupakan prosedur perubatan dan menjadi satu kesalahan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*] sekiranya dijalankan di pusat-pusat kecantikan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE
[BATANG SADONG]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

PUAN RODIYAH BINTI SAPIEE [BATANG SADONG] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan status terkini keputusan Kementerian pusat mengenai cadangan Kerajaan Sarawak untuk mendapatkan dana Kerajaan bagi menampung kos membangunkan seluas 5,000 hektar sebagai usaha menjadikan Sarawak salah satu jelapang padi di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Sarawak bercadang membangunkan kawasan seluas 5,000 hektar sebagai usaha menjadikan Sarawak salah satu jelapang padi di Malaysia. Perkara ini telah disambut pelaksanaannya melalui FELCRA Berhad di bawah seliaan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dengan kerjasama Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) yang akan membangunkan estet padi berskala besar dalam jangka masa panjang di Sabah dan Sarawak. Ia bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran padi dan memastikan keterjaminan makanan negara, serta membantu golongan pesawah keluar dari status miskin tegar.

Berhubung dengan dana pembangunan bagi projek ini, Kementerian Kewangan telah meluluskan peruntukan geran kos projek di bawah Program Keterjaminan Makanan Estet Padi di Negeri Sabah dan Sarawak berjumlah RM100 juta. Bagi tahun 2024 di bawah RP4, FELCRA Berhad telah menerima penyaluran peruntukan berjumlah RM3.5 juta bagi kerja kajian awalan pembangunan projek.

Sehingga kini, Kerajaan Negeri Sarawak melalui Jabatan Pertanian Sarawak telah meluluskan tanah seluas 125 hektar di Stumbin, Sri Aman kepada FELCRA Berhad untuk dibangunkan dengan tanaman padi. Pelaksanaan projek di Stumbin, Sri Aman ini telah bermula pada 15 Ogos 2024 dengan skop projek iaitu kerja pengukuran yang kini 50 peratus siap dan kajian perunding.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, susulan pengumuman YAB Premier Sarawak pada hujung September yang lalu, KPKM kini dalam proses memuktamadkan Pelan Pemerksaan Pembangunan Tanaman Padi Negeri Sarawak yang melibatkan peruntukan dana sejumlah RM500 juta. Pelan pemerksaan ini akan meliputi penambahbaikan infrastruktur pengairan, sumber air, pembangunan benih padi dan keperluan-keperluan strategik lain bagi

NO SOALAN : 38

merealisasikan hasrat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak untuk meningkatkan pengeluaran beras negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN
ISMAIL [BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL [BANDAR TUN RAZAK] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan melalui laporan pada 21 Disember 2023 melaporkan 4,893.73 hektar kawasan pertanian terjejas akibat banjir Monsun Timur Laut dan anggaran nilai kerosakan sebanyak RM22,823,601. Apakah alternatif pertanian lain yang diambil untuk mengurangkan kerugian pada musim monsun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sentiasa prihatin membantu warga argo dalam semua keadaan termasuk ketika berhadapan dengan musim monsun untuk memastikan para petani, penternak dan nelayan masih boleh meneruskan bidang usaha masing-masing. Oleh tu, Pelan Mitigasi dan Pengurusan Bencana disediakan dalam semua subsektor sebagai panduan mengurangkan risiko kerugian pasca bencana.

Kementerian juga memperkenalkan beberapa kaedah alternatif dari aspek pengaplikasian teknologi dan pembangunan penyelidikan seperti berikut:

- (i) mengadakan kolaborasi antara agensi khususnya Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) supaya jadual penanaman dan pengurusan pengairan dilaksanakan dengan terancang;
- (ii) menggunakan kaedah pertanian berbeza di kawasan berisiko banjir seperti pertanian menegak (*vertical farming*) dan fertigasi gantung;
- (iii) membangunkan Sistem Pengurusan Perikanan Bersepadu Berasaskan Teknologi Angkasa atau Sistem MyDOFGiS bagi meningkatkan kecekapan dalam pengurusan perikanan terutama ketika berlakunya bencana banjir;
- (iv) menghasilkan benih dan induk yang berdaya tahan terhadap kesan perubahan iklim melalui Pelan Pembangunan Baka dan Benih Akuakultur;
- (v) melaksanakan penyelidikan berterusan terhadap isu pencemaran kesan banjir seperti Ledakan Alga Berbahaya (*Harmful Algae Bloom* - HAB) oleh Institut Penyelidikan Perikanan (IPP); dan

- (vi) mengaplikasi teknologi moden seperti pemantauan cuaca, suhu dan kelembapan untuk membantu pengusaha membuat keputusan dan mengambil tindakan segera sebelum banjir melanda.

Warga agro juga digalakkan untuk menjalankan pertanian secara bersepadu dengan menggabungkan tanaman dengan ternakan atau akuakultur bagi membolehkan pengusaha memperolehi hasil daripada pelbagai sumber serta penggiliran tanaman yang mempunyai ketahanan tinggi terhadap keadaan basah dan lembap semasa tempoh monsun timur laut seperti keledak, ubi kayu dan kangkung.

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) juga sedang melaksanakan kajian bersama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) dalam membangunkan varieti tanaman padi yang toleran kepada keadaan banjir.

KPKM juga menyediakan bantuan Tabung Bencana Tanaman Padi (TBTP) dan Tabung Bencana Pertanian (TBP) untuk mengurangkan beban kerugian warga agro untuk membolehkan mereka mengusahakan semula pertanian yang rosak akibat bencana.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai mekanisme penyelamatan sebagai perlindungan kepada pembeli rumah bagi projek sakit, khususnya di Pangsapuri Salak Selatan dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan MADANI komited memastikan hak dan kepentingan rakyat terbela. Dalam hubungan ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa memberikan fokus terhadap perkhidmatan dan pelaksanaan projek-projek yang menyumbang kepada kesejahteraan dan meningkatkan keselesaan rakyat. Hal ini turut merangkumi pertimbangan ke atas inisiatif terbaik untuk menangani masalah penyiapan projek perumahan swasta, termasuklah isu di Pangsapuri Salak Selatan.

Sebagai langkah proaktif Kementerian, **satu *Task Force* Projek Perumahan Swasta Sakit dan Terbengkalai (TFST) telah ditubuhkan sejak Disember 2022 yang berperanan mencari penyelesaian yang berfokus dan strategik, serta memberi impak positif dalam menangani isu projek perumahan swasta bermasalah di seluruh negara mengikut kategori seperti berikut:**

- i. **Projek lewat**
Projek yang mengalami **kelewatan** di antara **11% hingga 15%** berbanding jadual kerja yang ditetapkan dalam Perjanjian Jual Beli (PJB) atau kemajuan kerja kurang dari 90% dengan baki tempoh penyiapan kurang dari enam (6) bulan;
- ii. **Projek sakit**
Projek yang **gagal disiapkan dalam tempoh PJB**; dan
- iii. **Projek terbengkalai**
Projek yang telah **diisytiharkan terbengkalai oleh Menteri melalui seksyen 11(1)(ca) Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan (1966 [Akta 118])** atas sebab pemaju perumahan telah mengabaikan sesuatu pemajuan perumahan.

Selain pemantauan berkala dan turun padang ke tapak projek perumahan, KPKT juga turut melaksanakan sesi libat urus bersama Agensi Teknikal, Agensi Penyedia Utiliti, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan institusi-institusi perbankan bagi mengenal pasti kaedah penyelesaian yang lebih berfokus untuk pemulihan projek perumahan bermasalah.

Khusus bagi Pangsapuri Salak Selatan, projek ini dimajukan oleh Surrealist Communities (M) Sdn. Bhd. dan telah **dikategorikan sebagai projek perumahan swasta sakit pada 22 Ogos 2021. Sehingga 30 September 2024, Bank Islam Malaysia Berhad telah mengambil tindakan undang-undang ke atas pemaju.** Tetuan Baker Tilly Insolvency PLT telah dilantik sebagai Pengurus Kehakiman Interim (*Interim Judicial Management*) yang mempunyai dan boleh menjalankan kesemua fungsi dan kuasa yang diperuntukkan di bawah Seksyen 414 dan Jadual Kesembilan Akta Syarikat 2016 pada 8 Ogos 2024. Pengurus Kehakiman Interim sedang menjalankan audit keseluruhan ke atas syarikat pemaju termasuk projek Pangsapuri Salak Selatan. **Cadangan penyelesaian dijangka akan dapat dibentangkan kepada pemohon iaitu Bank Islam Malaysia Berhad untuk kelulusan sebelum diumumkan pada hujung tahun ini.**

KPKT memandang serius mengenai permasalahan yang dihadapi dan akan terus mengambil langkah proaktif untuk mengelakkan lebih banyak projek bermasalah, di samping komited melaksanakan tindakan yang sewajarnya agar projek bermasalah sedia ada termasuk Pangsapuri Salak Selatan ini dapat disiapkan dengan Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) untuk penyerahan milikan kosong kepada para pembeli.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan perkembangan terkini pelaksanaan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan empat cabaran nyata dalam melaksanakan pelan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sejak Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga (NETR) diluncurkan oleh YAB Perdana Menteri pada 29 Ogos 2023, projek dan inisiatif *flagship* NETR telah mula dilaksanakan dan dipantau melalui Jawatankuasa Peralihan Tenaga Negara (*National Committee on Energy Transition-NCET*) dan Majlis Tenaga Negara (MTN).

2. Anggaran terkini keberhasilan projek dan inisiatif *flagship* NETR yang telah dibentangkan semasa Mesyuarat MTN Bilangan 2/2024 bertarikh 2 Ogos 2024 berbanding sasaran awal semasa peluncuran pada 29 Julai 2023 adalah seperti berikut:

Pelaburan	:	Komitmen pelaburan RM60.7 bilion berbanding sasaran RM25 bilion
Pekerjaan	:	Peningkatan peluang pekerjaan sebanyak 84,544 (pembangunan dan pasca projek) berbanding sasaran 23,000
Pengurangan GHG	:	24,264 gigagram CO ₂ berbanding anggaran 10,000 gigagram CO ₂ setara setiap tahun

3. Empat (4) cabaran nyata dalam melaksanakan NETR boleh dibahagikan kepada aspek dasar dan kawal selia, pembiayaan dan insentif, batasan teknologi serta jangka masa pelaksanaan.

4. Dalam konteks dasar dan kawal selia, beberapa pembaharuan telah diperkenalkan pada tahun ini oleh Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) seperti ENEGEM dan CRESS sebagai opsyen mekanisme *off-take* bagi projek flagship seperti solar bumbung, penjanaan tenaga boleh baharu atau TBB melalui taman suria, zon TBB bersepadu dan solar terapung hidro hibrid. Manakala bagi CCUS, kerangka kawal selia telah dimuktamadkan dan satu akta berkaitan CCUS akan dibentangkan pada bulan November tahun ini.

5. Dalam konteks pembiayaan dan insentif, projek dan inisiatif peralihan tenaga melibatkan perbelanjaan modal yang sangat tinggi dan memerlukan pembiayaan dana yang besar. NETR menasaskan pelaburan kumulatif sejumlah RM1.2 hingga RM1.3 trilion sehingga tahun 2050. Bagi tempoh 2023 hingga 2029, implikasi kewangan Kerajaan adalah dianggarkan sebanyak RM60 hingga RM90 bilion. Ini merangkumi namun tidak terhad kepada pembangunan pengangkutan awam, pengukuhan grid, peningkatan kemahiran dan kapasiti pekerja terjejas, inisiatif kecekapan tenaga dan pembangunan teknologi nyahkarbon seperti hidrogen dan CCUS.

6. Dalam hal ini, Kerajaan telah memperkenalkan galakan cukai *Green Investment Tax Allowance* (GITA) melalui Belanjawan 2024 bagi hidrogen hijau, stesen pengecasan kereta elektrik, biojisim, biogas, hidro mini, geoterma, solar dan tenaga angin. Kerajaan juga turut memberi Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal bagi aktiviti hijau yang layak untuk tempoh 3 tahun. Elaun ini boleh ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun. Insentif cukai turut diberikan kepada aset GITA merangkumi *Battery Energy Storage System (BESS)*, *Renewable Energy System* dan *energy efficiency*. Manakala galakan *Green Income Tax Exemption* (GITE) turut diberikan kepada *solar leasing* untuk tempoh sehingga 10 tahun taksiran.

7. Bagi cabaran teknologi pula, ianya melibatkan ketersediaan teknologi baharu dan sedang meningkat untuk melaksanakan projek dan inisiatif peralihan tenaga di negara ini. Sebagai contoh, pemacu hidrogen dan CCUS melibatkan teknologi baharu yang belum teruji sepenuhnya dan kebanyakannya dibangunkan di luar negara.

8. Cabaran akhir ialah tempoh pelaksanaan yang panjang dan merentasi dekad sehingga tahun 2050. Ini kerana setiap projek mempunyai tahap kematangan yang berbeza dan kebanyakan masih di peringkat pra-pelaksanaan. Kemajuan projek juga bergantung kepada akses pembiayaan, insentif, ketersediaan teknologi dan tenaga mahir. Oleh itu, pemantauan dan pelaporan projek dan inisiatif *flagship* NETR tidak boleh dilakukan berdasarkan mekanisme terdahulu dan perlu disesuaikan dengan tuntutan semasa.

9. Sebagai kesimpulan, Kementerian ingin menekankan bahawa peralihan tenaga yang berkesan memerlukan pendekatan keseluruhan negara (*whole-of-nation*) bagi memastikan kesepaduan perancangan dan pelaksanaan dasar dalam mengimbangi trilema tenaga iaitu jaminan bekalan tenaga, kemampuan membayar dan kelestarian alam sekitar. Perancangan dan pelaksanaan projek dan inisiatif NETR juga akan dilaksanakan secara sinergi berpandukan dasar dan hala tuju kementerian dan agensi pelaksana.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK IR. SHAHELMEY BIN YAHYA
[PUTATAN]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK IR. SHAHELMEY BIN YAHYA [PUTATAN] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan langkah terkini untuk mempercepat pembangunan infrastruktur digital di Sabah amnya dan khususnya di kawasan luar bandar bagi memastikan akses internet yang lebih baik dan menyeluruh kepada semua rakyat Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Ogos 2024, inisiatif yang telah dijalankan di bawah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) bagi mempercepatkan pembangunan infrastruktur digital di negeri Sabah, termasuk 352 menara komunikasi baharu yang telah siap dibina daripada 655 yang dirancang. Sebanyak 4,725 buah menara juga telah turut siap dinaik taraf dan sebanyak 223,123 premis daripada 303,569 yang dirancang telah tersedia dengan capaian gentian optik. Kesemua inisiatif ini akan siap secara berperingkat pada suku keempat tahun 2025. Sebagai tambahan, terdapat 138 lokasi telah dapat menikmati perkhidmatan internet menggunakan teknologi satelit [*Broadband Wireless Access (BWA)*] di negeri Sabah.

Khusus bagi Parlimen Putatan, kesemua empat menara komunikasi baharu telah siap dibina dan beroperasi, kesemua 211 stesen pemancar sedia ada telah dinaik taraf, 10, 791 premis telah tersedia dengan capaian gentian optik di bawah inisiatif JENDELA Fasa 1.

Kerajaan turut melaksanakan penyediaan infrastruktur jalur lebar menggunakan kaedah *Point of Presence (PoP)* hab gentian optik. Sehingga 3 Oktober 2024, sebanyak 67 PoP telah berjaya disiapkan sepenuhnya bagi Fasa 1 menjadikan 7,865 premis telah tersedia dengan sambungan gentian optik untuk dilanggan oleh komuniti setempat. 636 PoP di bawah Fasa 2 di negeri Sabah dijadualkan siap sepenuhnya pada tahun 2025.

Selain itu, MCMC sedang merangka solusi penyediaan perkhidmatan internet bagi baki 3% di kawasan berpenduduk melalui JENDELA Fasa 2. Perancangan JENDELA Fasa 2 ini memerlukan penilaian dan pertimbangan kaedah pemberian perkhidmatan yang sesuai (*fit-for-purpose*) serta keupayaan Dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat untuk membiayai perbelanjaan modal dan perbelanjaan operasi projek ini. Senarai lokasi awal bagi penyediaan perkhidmatan internet buat masa ini sedang dikenal pasti. Antara penyelesaian pemberian

NO SOALAN : 42

perkhidmatan yang akan dipertimbangkan pada peringkat perancangan ini adalah melibatkan pembinaan menara baharu dan penyediaan jalur lebar menggunakan teknologi satelit.

MCMC juga sedang meneliti perkembangan teknologi baharu termasuk *direct to device* yang menggunakan teknologi satelit *Low Earth Orbit* (LEO) bagi penyediaan perkhidmatan internet yang boleh memberi manfaat kepada penduduk di luar bandar dan kawasan pedalaman.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI ABDUL LATIFF BIN ABDUL
RAHMAN [KUALA KRAI]**

TARIKH : 4 NOVEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI]
minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan :

- a) bagaimana Kerajaan Persekutuan menentukan keutamaan projek-projek infrastruktur di Kelantan ; dan
- b) apakah kriteria yang digunakan dalam memilih projek yang perlu diberikan perhatian segera, sesuai dengan dasar pembangunan berteraskan keperluan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi perancangan infrastruktur yang menjadi keutamaan di Negeri Kelantan, pihak kerajaan persekutuan mengutamakan projek-projek kritikal dan memberi impak secara langsung kepada rakyat (*people centric*). Kerajaan persekutuan akan menilai dan memberi keutamaan kepada setiap projek yang menjurus kepada keperluan rakyat yang mendesak di negeri Kelantan.

2. Dalam merancang pembangunan dan pemilihan projek yang menjadi keutamaan kerajaan persekutuan, kriteria utama bagi pemilihan projek adalah yang melibatkan projek yang mampu meningkatkan ekonomi yang mampan dengan memberikan fokus kepada keperluan dan kesejahteraan rakyat. Pemilihan projek juga akan menumpukan kepada memperkasa ketersambungan infrastruktur pengangkutan dan penyediaan projek infrastruktur yang berimpak tinggi kepada sosial dan pertumbuhan ekonomi. Selain itu, ini juga akan meningkatkan hubungan antara komuniti dan mewujudkan peluang pekerjaan yang luas, menyumbang kepada pelaburan, merancakkan aktiviti perdagangan dan ekonomi di sepanjang jajaran seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan kemakmuran rakyat.

Sekian, terima kasih.